



كامرکتوا حاکم شرعی محکمہ شرعیہ نگرى ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3()

Tarikh : 28 April 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.2 TAHUN 2016

Permohonan Pengiktirafan Nikah Melibatkan Pernikahan Poligami

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Pengurusan Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.1 tahun 2016 pada 4 April 2016 di Bilik Mesyuarat Saidina Umar, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Permohonan pengiktirafan nikah yang melibatkan pernikahan secara berpoligami hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan Mahkamah Syariah No.4 Tahun 2007.

Permohonan tersebut hendaklah difailkan secara bersama oleh pasangan yang bernikah (suami dan isteri) **ATAU** secara sebelah pihak (suami sebagai Pemohon), mengikut prosedur pemfailan kes di Mahkamah Syariah.


2. Sekiranya permohonan pengiktirafan nikah tersebut difailkan secara sebelah pihak (isteri sebagai Pemohon), kes bolehlah didengar dan diputuskan di Mahkamah Rendah Syariah, **bagi keadaan suami ghaib, tidak dapat dikesan, telah meninggal dunia atau suami enggan beri kerjasama untuk memfailkan kes.**

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"SYARIAH ASAS KEADILAN"

Saya yang menurut perintah,


(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie

Mahkamah Syariah Negeri Melaka